

Headline	Bawa suara penduduk Kangar		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	06 May 2018	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	38	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	792 cm <sup>2</sup>
Journalist	NURUL HIDAYAH HAMID	AdValue	RM 5,548
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,643



# Bawa suara penduduk Kangar

**Ramli janji pelbagai pembaharuan jika diberi mandat pada PRU14**

NURUL HIDAYAH HAMID

KANGAR

**P**enduduk di Perlis terutamanya Kangar berpeluang menikmati lebih banyak kemudahan dan pembangunan jika terus memilih BN dalam PRU14.

Calon BN Parlimen Kangar, Ramli Shariff, 57, berkata, beliau akan mewakili suara seluruh penduduk Kangar termasuk membawa aspirasi orang muda berusia 40 tahun ke bawah di kawasan itu.

Menurut anak jati Bintong itu, beliau bersedia membawa suara anak muda yang menginginkan peluang pekerjaan, perumahan dan kemudahan rekreasi untuk diri mereka.

"Sebagai contoh, kita melihat ada golongan muda perlukan tempat rekreasi untuk melakukan aktiviti kegemaran mereka. Jadi, kita akan cuba kenal pasti apa diperlukan mereka.

"Ada yang minat menunggang motosikal, jadi mungkin kita boleh bina litar lumba motosikal demi memenuhi keperluan mereka," katanya.

Antara lain, katanya, beliau bercadang memperkenalkan kalendar tahunan untuk penduduk Kangar demi merencanakan aktiviti dan mencungkil bakat baharu jika diberi mandat pada 9 Mei nanti.

"Kita buat aktiviti ikut kesukaan orang muda. Mungkin sebulan sekali, atau dua bulan sekali. Kita fokus satu aktiviti. Dari aktiviti ini, kita boleh mencari bakat baru, misalnya dalam bola sepak," katanya.

Ramli yang juga bekas senator berkata, beliau turut menekankan isu kebersihan bandar dan kampung yang dilihat memainkan peranan penting dalam usaha menarik kehadiran pelancong.

"Saya berhasrat akan ambil ke-

lain dengan cuba menumpukan aspek kebersihan. Apabila tahap kebersihan ditingkatkan, ia secara sendirinya dapat menarik orang untuk berbelanja," katanya.

Menurutnya, tahap kebersihan di kawasan berkenaan akan menjadi agenda dirinya kerana ia bukan hanya mampu menarik pelancong, malah membuka peluang pendapatan.

Beliau juga akan menggunakan pengalaman dalam bidang politik lebih 29 tahun dan sebagai peguam untuk berusaha terbaik demi memenuhi keperluan penduduk.

Dalam perkembangan lain, katanya, beliau berkempen dengan menggunakan pendekatan mesra, iaitu bertanya khabar dan berdamping dengan penduduk supaya mereka tidak segan menyuarakan masalah kepada dirinya.

"Saya tidak ada masalah atau kekok untuk mesra dengan pengundi dari pelbagai lapisan masyarakat kerana ia sudah sifat semula jadi sebagai penduduk Utara Semenanjung," katanya.



Ramli (dua, kiri) melihat penduduk memilih ikan kembung dijual dalam Program Jimat Dapur.

Difahamkan, beliau yang merupakan Ahli Jawatan Kuasa Umno Bahagian Kangar itu memulakan kempen seawal jam 8.30 pagi hingga jam 3 pagi setiap hari demi bertemu penduduk.

Terdahulu, beliau meluangkan masa melawat tapak jualan Program My Best Buy bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) di Medan Mara Taman Bunga Padi, di sini, semalam.

Di Parlimen Kangar, Ramli akan bertembung dengan Mohamad Zahir Ibrahim (Pas) dan Noor Amin Ahmad (Harapan) pada PRU14.



Ramli (kiri) meluangkan masa berbual dengan peniaga.



Ramli (tengah) turun padang bertemu penduduk di Medan Mara Taman Bunga Padi.



Ramli (kanan) menunjukkan tanda bagus ketika beramah mesra dengan penduduk.



Ramli (dua, kanan) mesra berbual dengan penduduk setempat.

**"NADI SAYA SUARA ANDA"**

TEMPEK LAJIS  
#KAMPUNG TELUK KACHANG, PERLIS

- KELOMPOK**  
#PUJRA ENGLISH SCHOOL KANGAR, PERLIS  
#SEKOLAH MENENGAH DERMA KANGAR, PERLIS  
#UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR (Jajazh Sarjana Muda Undang-undang)
- KEJAJARAN**  
#FIRMA GAUMAN  
Tetuan Ramli Anar Jit & Tan  
Tetuan Ramli & Co
- PENDUKTAN DALAM POLITIK**  
#NAB KETUA PEMUDA UMNO BAHAGIAN KANGAR  
#PARI JAWATAN KUASA UMNO BAHAGIAN KANGAR  
#KETUA CAWANGAN UMNO BINTONG SELATAN  
#BENDAHARI UMNO BAHAGIAN KANGAR  
#AHLI DEWAN NEGARA PERLIS  
#PERLIS MALAYSIA



**UNDILAH RAMLI BIN SHARIFF P002 KANGAR**

DAMHILUKAN RAKYAT

